

DATE: 09/04/2008

Kritikan Dr M buat rakyat semakin keliru

PUTRAJAYA, Tindakan Tun Dr Mahathir Mohamad mengkritik kepimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan Umno secara berterusan boleh menimbulkan pelbagai persoalan di kalangan rakyat dan masalah kepada parti dan negara, kata Ahli Majlis Tinggi Umno, Datuk Seri Syed Hamid Albar.

Syed Hamid yang juga Menteri Dalam Negeri berkata, ini disebabkan sebilangan besar rakyat akan mempercayai perkara dibangkitkan bekas Perdana Menteri itu kerana beliau adalah ikon masyarakat, terutama generasi muda.

"Beri Pak Lah peluang untuk membina semula parti dan mengembalikan keyakinan orang ramai. Saya pasti beliau (Dr Mahathir) amat menyayangi parti, tetapi jika beliau sentiasa pergi ke mana-mana dan memperkatakan pelbagai perkara ia akan menimbulkan banyak persoalan kepada rakyat.

"Sekarang, pilihan raya sudah berakhir dan kita kalah di beberapa negeri, tetapi saya berpendapat kita mesti meneruskan perjuangan. Kita perlukan kerjasama dengan semua pihak, termasuk Tun Dr Mahathir.

"Beliau (Dr Mahathir) tidak patut melakukan sesuatu yang mengancam masa depan Umno," katanya pada sidang media selepas lawatan kerja ke Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) di sini, semalam.

Syed Hamid berkata, rakyat sudah menghantar mesej yang jelas kepada kerajaan pada pilihan raya umum lalu dan tumpuan utama kerajaan ialah menjalankan tanggungjawab dan tugas seperti yang dimandatkan rakyat serta mengembalikan keyakinan pelabur terhadap kestabilan negara.

Sehubungan itu, katanya, Dr Mahathir sewajarnya menyumbang kepada matlamat itu dengan tidak cuba menyatakan tanggapan beliau terhadap apa yang berlaku serta menggesa perubahan pucuk kepimpinan.